

19/06/1998

## Kestabilan benteng parti

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata persefahaman semua ahli Umno penting dalam membina sebuah pertubuhan yang kuat dan tidak mudah digoncang meskipun dalam keadaan kritikal sekarang.

Presiden Umno berkata, parti itu boleh berbangga kerana ia tetap utuh dan padu sehingga tiada pihak luar dapat menggugatnya.

"Kestabilannya menjadi benteng dalam menghadapi serangan pihak luar yang bermotifkan ekonomi," katanya dalam buku penyata tahunan Umno 1997-1998 yang diedarkan menjelang perhimpunan agung Umno, hari ini.

Menurut Perdana Menteri, Umno adalah parti yang sangat prihatin terhadap masalah rakyat dan bertindak segera mengatasi kepincangan yang berlaku.

Justeru, keprihatinan itulah menjadi faktor utama ketahanan Umno dalam mengharungi pelbagai peristiwa, ujian dan cabaran yang pahit.

"Kepemimpinannya pada sesuatu masa terdiri daripada kumpulan yang bertanggungjawab dan komited membela nasib ramai.

"Mereka bukan orang yang lemah atau mudah tunduk kepada tekanan yang tidak adil, sebaliknya adalah pejuang yang bertegas mempertahankan sesuatu prinsip atau cara bekerja yang mendapatkan manfaat kepada semua," katanya.

Dr Mahathir berkata, sejak kegawatan ekonomi bermula pertengahan tahun lalu, pelbagai usaha mengatasinya terus dilaksanakan.

Kerajaan mengumumkan beberapa langkah bagi mengurangkan perbelanjaan, termasuk penangguhan projek tertentu serta pemotongan elaun pemimpin dan pegawai.

Bagaimanapun, bagi projek yang dianggap strategik dan boleh membantu ekonomi negara, pelaksanaannya terus berjalan lancar.

"Di peringkat antarabangsa, kerajaan kita sentiasa menekankan peri pentingnya peraturan-peraturan diwujudkan dalam perniagaan mata wang agar negara membangun tidak menjadi mangsa spekulator.

"Tidak wajar sekali sesebuah ekonomi yang telah dibina dengan rapi dimusnahkan oleh beberapa kerat orang yang pergerakannya tidak dapat dikawal," katanya.

Perdana Menteri turut menegaskan pentingnya modal di dalam negara ditambah akibat kemerosotan nilai ringgit dan kejatuhan harga saham.

Katanya, usaha itu memerlukan pengorbanan semua pihak, khususnya rakyat jelata supaya menyahut seruan untuk menabung mengikut kemampuan masing-masing.

"Kepada mereka yang membawa wang ke luar negara, kita berharap mereka akan balik ke pangkal jalan. Yakinlah kepada ekonomi negara sendiri," katanya.

Beliau yakin kumpulan modal dalam negara akan bertambah dan negara mampu meneruskan usaha pembangunan tanpa melutut kepada Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF).

"Melalui pelaburan modal kita dalam bidang penting akan menambah pendapatan rakyat dan negara, selain menjamim pekerjaan rakyat," katanya.

(END)